



KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2021

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP)
SABAH & SARAWAK



088 - 238 244
www.lpkpsabah.gov.my



082- 412 073
www.lpkpsarawak.gov.my



ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	1
LATAR BELAKANG.....	1
VISI	1
MISI.....	1
OBJEKTIF	1
TERAS STRATEGI.....	2
BIDANG KUASA DAN FUNGSI.....	2
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH	4
PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH.....	5
PERUTUSAN PENGARAH LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH.....	6
STRUKTUR ORGANISASI ANGGOTA LPKP SABAH	8
PIAGAM PELANGGAN LPKP SABAH	9
1. PRESTASI	10
1.1 PRESTASI KEWANGAN	10
1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN	12
1.3 MESYUARAT LEMBAGA.....	13
1.4 PERMOHONAN LESEN.....	13
1.5 RAYUAN	15
1.6 CETAKAN LESEN.....	15
1.7 KEDUDUKAN LESEN AKTIF	16
1.8 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2021.....	17
1.9 PENUTUP	17
LAMPIRAN	18
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK	31
PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK	32
PERUTUSAN SETIAUSAHA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK	34
MAKLUMAT AHLI LEMBAGA	36
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK	36
BAGI TAHUN 2021.....	36
PIAGAM PELANGGAN LPKP SARAWAK.....	38
1. PRESTASI	39
1.1 PRESTASI KEWANGAN	39

1.2	ANALISIS PRESTASI KEWANGAN	39
1.3	MESYUARAT LEMBAGA.....	41
1.4	PERMOHONAN LESEN.....	42
1.5	RAYUAN	46
1.6	KEDUDUKAN LESEN AKTIF	46
1.7	DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU 2021.....	47
1.8	SIRI MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2021	52
	LAMPIRAN	54

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta LPKP 1987 (Akta 334) bertujuan untuk melaksana dan menguatkuasa akta tersebut serta kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pada tahun 2018, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak telah diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia dan menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334) setelah diserahkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Ibu pejabat LPKP Sabah terletak di **Kota Kinabalu**, manakala, dua (2) pejabat cawangan terletak di **Tawau** dan **Sandakan**.

Ibu pejabat LPKP Sarawak pula terletak di **Kuching**, LPKP Sarawak turut mempunyai dua (2) pejabat cawangan iaitu (Zon Utara) di **Miri** dan (Zon Tengah) di **Sibu**.

VISI

“Peneraju Transformasi Perkhidmatan Kenderaan Perdagangan Bertaraf Dunia”

MISI

“Memastikan Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Berdaya Saing Tinggi, Telus, Berintegriti Dan Bersepadu”

OBJEKTIF

- ξ Merancang dan mewujudkan dasar dan syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan.
- ξ Melaksana dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
- ξ Menggalakkan pelanggan yang berpotensi untuk berlesen dengan LPKP.
- ξ Memantau dan menilai impak pelaksanaan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan.
- ξ Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan baharu, membaharui dan ubah syarat lesen kenderaan perdagangan berdasarkan keperluan semasa.

- ξ Menguatkuasakan peruntukan undang-undang di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan kaedah-kaedah berkenaan.
- ξ Memantau pematuhan undang-undang oleh pengusaha kenderaan perdagangan.
- ξ Menyelesaikan aduan masyarakat terhadap perkhidmatan kenderaan perdagangan.
- ξ Meningkatkan aspek-aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan pengangkutan awam

TERAS STRATEGI

- ξ Mewujudkan peluang perniagaan melalui pemberian lesen kenderaan perdagangan kepada organisasi atau individu yang berkelayakan dan berminat dalam bidang ini.
- ξ Memberi latihan dan khidmat nasihat kepada pengusaha kenderaan perdagangan melalui kursus dan dialog bagi mengembangkan budaya keusahawanan dan meningkatkan kefahaman mereka tentang dasar serta peraturan baru LPKP.
- ξ Mewujudkan dasar dan peraturan baru bagi melindungi hak dan kepentingan pengusaha serta pengguna.
- ξ Mewujudkan suasana yang kondusif bagi melahirkan usahawan berdaya saing supaya kekal dan lebih kreatif dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.

BIDANG KUASA DAN FUNGSI

Bidang kuasa dan fungsi LPKP Sabah dan Sarawak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) adalah seperti berikut ;

- ξ Menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baru, membaharui dan ubahsyarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak masing-masing;
- ξ Mengenakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain;
- ξ Menggantung, membatal atau mengenakan apa-apa hukuman yang sesuai atas mana-mana kelas lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan kesalahan melanggar syarat lesen atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) serta kaedah-kaedah yang diperbuat dibawahnya serta undang-undang lain yang berkuat kuasa;

- ξ Menentukan tempoh kuatkuasa lesen bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- ξ LPKP Sabah: mengeluarkan semua lesen kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam untuk negeri Sabah dan lesen sementara ke atas kenderaan perdagangan dari Sarawak, Brunei dan Kalimantan (Indonesia) yang memasuki Sabah;
- ξ LPKP Sarawak: melesenkan kenderaan perdagangan dari Sabah, Brunei, dan Kalimantan Barat Indonesia atau negara lain yang dibenar beroperasi di Sarawak;
- ξ Membuat kajian laluan baru sebelum memberi pertimbangan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen bas bagi laluan-laluan yang dipohon;
- ξ Mengumpul rekod, penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan;
- ξ Menentukan prosedur permohonan, memproses dan menimbang permohonan lesen, mengenakan bayaran, menetapkan penalti dan menentukan tanda pengenal kepada kenderaan perdagangan;
- ξ Melaksanakan tugas-tugas yang berhubung dengan penguatkuasaan ke atas syarat-syarat lesen kenderaan perdagangan.

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH



**PERUTUSAN PENGERUSI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH**

Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya dan seluruh Anggota Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas penerbitan Buku Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak bagi tahun 2021.

Penerbitan buku laporan tahunan ini adalah penting kerana ianya bukan sahaja untuk tujuan dokumentasi tetapi juga sebagai rujukan pada masa akan datang bagi melihat pencapaian dan sumbangan kerajaan kepada masyarakat menerusi jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Pada tahun 2021, sektor pengangkutan turut terjejas teruk disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, termasuk Malaysia. Golongan yang bergantung sepenuhnya kepada sektor ini seperti pemandu teksi, bas, bas sekolah, e-hailing serta lain-lain telah kehilangan punca pendapatan.

Bagi meringankan beban ini, kerajaan telah memberikan bantuan khas kepada mereka yang terkesan menerusi beberapa siri bantuan seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi & Rakyat (PERMAI) serta Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM8.2 juta dan seramai 12,390 orang penerima bagi tahun 2020 dan 2021.

Berdasarkan kepada senario pandemik COVID-19 di negara ini, kerajaan dijangka akan melonggarkan beberapa peraturan dan SOP bagi tahun 2022 yang turut melibatkan sektor pengangkutan dan sudah semestinya akan memberikan sinar kepada pemain industri ini khususnya di Sabah.

Dalam hal ini, LPKP Sabah akan terus memainkan peranan bagi memastikan sektor pengangkutan awam dan kenderaan perdagangan kekal relevan serta setaraf dengan sistem pengangkuutan awam di peringkat nasional dan antarabangsa.

**YBHG. DATO' CHIN KIM HIUNG
PENGERUSI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH**

**PERUTUSAN SETIAUSAHA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali saya ingin memanjangkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana Buku Laporan Tahunan 2021 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak telah berjaya diterbitkan.

Tahun 2021 merupakan satu lagi tahun yang mencabar disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang masih melanda negara kita. Pelaksanaan SOP ketat oleh kerajaan menerusi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah menghadkan operasi kebanyakkan sektor sama ada swasta atau kerajaan.

Sebagai agensi yang berperanan mengeluarkan lesen kepada pengusaha kenderaan perdagangan di Sabah, LPKP Sabah optimis bahawa sektor ini akan terus bergerak walaupun dalam situasi yang sukar.

Ini dapat dilihat menerusi kutipan hasil dan jumlah permohonan lesen pengangkutan pada tahun 2021 yang meningkat berbanding tahun 2020.

Pada tahun 2021, jumlah pungutan hasil LPKP Sabah adalah sebanyak RM4,730,128.25 berbanding RM2,751,573.00 pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 71 peratus.

Manakala jumlah permohonan lesen bagi tahun 2021 adalah sebanyak 14,367 permohonan berbanding 8,159 permohonan pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 76 peratus.

Menuju ke hadapan, LPKP Sabah berharap agar tahun 2022 akan memberikan lebih banyak sinar kepada sektor pengangkutan di Sabah selepas kita melalui tempoh yang sukar selama lebih dua tahun disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Kerja sama dan komitmen secara holistik dari semua pihak sudah semestinya amat diperlukan bagi memastikan hala tuju sektor pengangkutan awam tercapai dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada pengguna, pemain industri mahupun kerajaan.

Akhir sekali, syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buku Laporan Tahunan 2021 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah & Sarawak.

**NORSIAH BINTI PATAH
PENGARAH / SETIAUSAHA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH**



**ANGGOTA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
TAHUN 2021**



YBhg. Dato' Chin Kim Hiung
Pengerusi



Norsiah Binti Patah
Setiausaha



Supt Mohd Zamzuri Bin Mohd Isa
Ahli



Wan Mohd Ashraf Bin Wan Salleh
Ahli



YBhg. Datuk Awang Kadin Tang
Ahli



Ling Yee Kim @ Desmond
Ahli



Pitrus Lee @ Petrus
Ahli



Vincent Lee @ Lee Yung Soon
Ahli



ASP Daniel Dominic
Ahli Silih Ganti



Tuan Mohd Rafie Bin Haji Isa
Ahli Silih Ganti



Burhan Nuddin Bin Mahmuddin
Ahli Silih Ganti

STRUKTUR ORGANISASI ANGGOTA LPKP SABAH

Seksyen 5 Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) menetapkan bahawa anggota LPKP Sabah hendaklah terdiri daripada sebelas (11) orang anggota yang dilantik oleh Menteri Pengangkutan Malaysia iaitu:-

- i) Pengerusi;
- ii) Timbalan Pengerusi;
- iii) Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- iv) Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;
- v) Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan
- vi) Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Ahli Lembaga LPKP Sabah bagi tahun 2021 adalah seperti di **Lampiran A**.

Keputusan berhubung pemberian lesen dan dasar-dasar dipertanggungjawabkan kepada Ahli Lembaga yang telah dilantik oleh Menteri. Operasi harian dan fungsi LPKP Sabah berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan, pelesenan, polisi, undang-undang serta komunikasi korporat dilaksanakan oleh organisasi yang diketuai oleh seorang Pengarah selaku Ketua Jabatan dibantu oleh seorang Ketua Penolong Pengarah, dua orang Penolong Pengarah, seorang Penasihat Undang-Undang serta seorang Ketua Unit Komunikasi Korporat. Carta organisasi LPKP Sabah adalah seperti di **Lampiran B**.

PIAGAM PELANGGAN LPKP SABAH

LPKP berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa seperti berikut ;

JENIS PERMOHONAN	PIAGAM PELANGGAN
Permohonan Baharu	30 hari bekerja
Permohonan Membaharui	7 hari bekerja
Ubah Syarat ξ Pertimbangan Lembaga ξ Pertimbangan Urusetia	30 hari bekerja 7 hari bekerja
Permohonan Semula	7 hari bekerja
Permohonan Lesen Asal	3 hari bekerja

1. PRESTASI

1.1 PRESTASI KEWANGAN

1.1.1 HASIL

Jumlah kutipan hasil LPKP Sabah bagi tempoh berakhir pada 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM4,730,128.25

- Perbandingan hasil dalam tempoh 5 tahun (2017 - 2021) seperti di Jadual 1.

Jadual 1



1.1.2 PERUNTUKAN & PERBELANJAAN

- Jumlah peruntukan yang diterima oleh LPKP Sabah bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM17,387,921.56. Jumlah peruntukan berkenaan adalah termasuk sebanyak RM4,329,921.56 di bawah Belanja Mengurus (B28) dan RM8,858,000.00 di bawah Dana Khas Belanja Pembangunan (P99) yang merangkumi Dana Bantuan Khas Pemandu Teksi, Bantuan Khas Pemandu Bas Sekolah, Bantuan Khas Bas Pelancong dan Bantuan Khas Pemandu E-Hailing serta RM4,200,000.00 di bawah Belanja Pembangunan (P28) bagi Dana Bantuan Bas henti-Henti (ISBSF) yang

telah dikelaskan semula di bawah Belanja Pembangunan pada tahun 2021

- a. Perbandingan Peruntukan dalam tempoh 5 tahun (2017 - 2021) seperti di Jadual 2.

Jadual 2



- (ii) Jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh LPKP Sabah bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM17,373,421.56. Jumlah perbelanjaan di bawah Belanja Mengurus (B28) adalah sebanyak RM4,329,921.56 dan perbelanjaan di bawah Belanja Pembangunan (P99 & P28) adalah sebanyak RM13,043,500.00

- a. Perbandingan Perbelanjaan dalam tempoh 5 tahun (2017-2021) seperti di Jadual 3.

Jadual 3

1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

1.2.1 PRESTASI PERUNTUKAN

Sepanjang tempoh lima (5) tahun dari 2017 sehingga 2021 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah) telah menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia, melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia sebanyak RM 46,747,830.55 secara keseluruhannya.

1.2.2 PRESTASI PERBELANJAAN

Sepanjang tempoh lima (5) tahun dari 2017 sehingga 2021 jumlah perbelanjaan terkumpul Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah) adalah sebanyak RM 45,883,080.69. Peratus Prestasi Perbelanjaan pada tahun 2021 adalah 99% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM17,373,421.56 daripada peruntukan yang diterima iaitu sebanyak RM17,387,921.56.

1.2.3 PRESTASI KUTIPAN HASIL

Sepanjang tempoh lima (5) tahun dari 2017 sehingga 2021 jumlah kutipan hasil Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah) adalah sebanyak RM14,533,772.75 secara keseluruhannya. Peratus peningkatan hasil bagi perbandingan tahun 2020 dan 2021 adalah sebanyak 71% dengan

jumlah kutipan RM2,751,573.00 pada tahun 2020 dan RM4,730,128.25 pada tahun 2021.

1.2.4 ASET YANG DIGUNAKAN

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah mempunyai harta modal bernilai tinggi yang didaftarkan iaitu lapan unit kenderaan Jabatan.

1.2.5 PUNCA - PUNCA KEWANGAN

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah merupakan agensi penuh badan kerajaan persekutuan dan menerima waran peruntukan tahunan daripada Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Belanja Mengurus Kementerian Pengangkutan (B28) dan peruntukan diterima di bawah Kumpulan Wang Covid-19 (P99) bagi tahun kewangan 2021.

1.3 MESYUARAT LEMBAGA

Jumlah Mesyuarat Lembaga bagi tahun 2021 adalah sebanyak lapan kali. Butiran rekod mesyuarat adalah seperti di **Lampiran C**.

1.4 PERMOHONAN LESEN

LPKP Sabah telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubahsyarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) seperti berikut:

1.4.1 Permohonan Baharu

Sebanyak **1,046** permohonan dibawa ke Mesyuarat Lembaga LPKP Sabah bagi pertimbangan kelulusan untuk tahun 2020 berbanding **778** pada tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak **7.17 peratus**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **971** permohonan diluluskan pada tahun 2021 berbanding sebanyak **674** permohonan diluluskan pada 2020. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 4**.

1.4.2 Membaharui Lesen

Pada tahun 2021, bilangan permohonan membaharui lesen diterima adalah sebanyak **8,121** iaitu peningkatan sebanyak **144 peratus** berbanding dengan **3,322** permohonan bagi tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, **7,812** permohonan telah diluluskan berdasarkan Piagam Pelanggan pada tahun 2021 berbanding **2,994** permohonan pada tahun 2020. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 4**.

1.4.3 Ubah Syarat Lesen

Permohonan ubahsyarat lesen pada tahun 2021 adalah berjumlah **5,200** berbanding **4,059** pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 28 peratus. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **5,009** permohonan ubahsyarat lesen telah diluluskan berdasarkan Piagam Pelanggan bagi tahun 2021 berbanding sebanyak **3,766** permohonan bagi tahun 2021. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 4**.

Ringkasan maklumat berkenaan permohonan dan kelulusan lesen sepanjang tahun 2021 dan perbandingan dengan tahun 2020 berdasarkan Piagam Pelanggan LPKP Sabah adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4

JENIS PERMOHONAN	2020		2021	
	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
Baru	778	674	1,046	971
Membaharui	3,322	2,994	8,121	7,812
Ubah Syarat	4,059	3,766	5,200	5,009
JUMLAH	8,159	7,434	14,367	13,792

1.5 RAYUAN

Di bawah Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri Persekutuan. Bagi tahun 2021 tiada rayuan permohonan yang diterima.

1.6 CETAKAN LESEN

Sepanjang tahun 2021, LPKP Sabah telah mendaftarkan sebanyak 1,514 unit lesen baru. Jumlah unit lesen yang didaftarkan meningkat sebanyak 629 unit atau 71 peratus berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 885. Setiap unit lesen yang dikeluarkan akan dikira setelah kenderaan didaftar dan bayaran dijelaskan.

1.7 KEDUDUKAN LESEN AKTIF

Sehingga 31 Disember 2021, lesen aktif yang kini berdaftar di LPKP Sabah adalah sebanyak **9,995** lesen. Perincian mengikut pecahan kelas lesen adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5

KENDERAAN BARANGAN		KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM		
KELAS LESEN	JUMLAH LESEN	KELAS LESEN	KELAS LESEN	JUMLAH LESEN
Lesen Pembawa 'A'	22,048	Teksi	Teksi	2,284
Lesen Pembawa 'C'	8,493	Teksi Mewah		139
		Kereta Sewa	Kereta Sewa Pandu	1,346
		Teksi Luar Bandar		1,118
		Teksi Lapangan Terbang		116
		Bas Berhenti-Henti		268
		Bas Ekspres		1,910
		Bas Sekolah		331
		Bas Pekerja		1,105
		Bas Catar		58
		Bas Kilang		118
		Bas Mini		0
		Bas Pengantara		1,183
		JUMLAH		19
JUMLAH	30,541	JUMLAH	JUMLAH	9,995
		JUMLAH KESELURUHAN		40,536

1.8 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2021

Sepanjang tahun 2021, LPKP Sabah telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah dan peraturan baru seperti berikut:

Pekeliling LPKP Sabah :

- 1) Pekeliling LPKP Sabah Bilangan 1 Tahun 2021 – Pembekuan Permohonan Baharu & Ubahsyarat Ganti Kenderaan Bagi Kelas Lesen Bas Berhenti-Henti.
- 2) Pekeliling LPKP Sabah Bilangan 2 Tahun 2021 – Arahan Mempamerkan Pelekat Aduan JPJ & LPKP Sabah Di Badan Kenderaan Perdagangan

Surat Pekeliling LPKP Sabah :

- 1) Surat Pekeliling LPKP Sabah Bilangan 1 Tahun 2021 – Kewajipan Menyelesaikan Saman Trafik PDRM Bagi Permohonan Memperbaharui & Permohonan Semula.

1.9 PENUTUP

Dalam usaha merealisasikan matlamat yang telah digariskan, LPKP Sabah sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian serta memastikan pengangkutan awam dan barang sentiasa cekap dan berkesan dalam memenuhi aspirasi kerajaan dan kehendak rakyat. Selaras dengan misi untuk memastikan pengangkutan awam dan kenderaan barang selamat, efisien dan berkos efektif, LPKP Sabah akan terus menggubal dasar-dasar yang dapat membantu mewujudkan industri kenderaan perdagangan yang lebih maju dan berdaya saing.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

SENARAI AHLI / AHLI SILIH GANTI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH 2021


BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
1	YBhg. Dato' Chin Kim Hiung Pengerusi	14 Mei 2020	13 Mei 2023
2	Puan Norsiah Binti Patah Pengarah LPKP Sabah / Setiausaha	8 Jun 2021	
3	YDH. Supt. Mohd Zamzuri bin Mohd Isa Ahli	1 Ogos 2020	31 Julai 2023
4	Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh Ahli	14 Feb 2020 14 Feb 2021	13 Feb 2021 13 Feb 2022
5	YBhg. Datuk Awang Kadin Tang Ahli	22 Julai 2021	21 Julai 2024
6	Encik Pitrus Lee @ Petrus Ahli	22 Julai 2021	21 Julai 2024
7	Encik Ling Yee kim @ Desmond Ahli	22 Julai 2021	21 Julai 2024
8	Encik Vincent Lee @ Lee Yung Soon Ahli	22 Julai 2021	21 Julai 2024

BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
1	Encik Mohd. Rafie Bin Haji Isa Ahli Silih Ganti	20 Sep 2017 20 Sep 2019	19 Sep 2019 19 Sep 2021
2	YDH. ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti	15 Feb 2017 15 Feb 2019	14 Feb 2019 14 Feb 2021
3	Encik Burhan Nuddin bin Mahmuddin Ahli Silih Ganti	29 Julai 2020	28 Julai 2023

LAMPIRAN B



CARTA ORGANISASI LEMBAGA PELESENAN KENDERaan PERDAGANGAN SABAH



RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

KATEGORI JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Pegurusan & Profesional (Gred 41 – 54)	12	8	4
Kumpulan Pelaksana I (Gred 29 – 38)	10	7	3
Kumpulan Pelaksana II (Gred 19 – 26)	44	39	5
Kumpulan Pelaksana III (Gred 11 – 16)	8	8	0
JUMLAH	74	62	12

LAMPIRAN C**SIRI MESYUARAT LEMBAGA LPKP SABAH TAHUN 2021**

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 1 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu	<p>1. YBhg. Dato' Chin Kim Hiung Pengerusi Lembaga</p> <p>2. Encik Arfian Bin Julian Setiausaha Lembaga</p> <p>3. Tuan Haji Sadim Bin Abdul Anggota Lembaga</p> <p>4. YDH DSP Parum AK Niot Anggota Silih Ganti</p> <p>5. Encik Burhan Nuddin Bin Mahmuddin Anggota Silih Ganti</p> <p>6. Encik R.M. Luqman Bin R.M. Mohamed Sekretariat</p> <p>7. Encik Judy Bin Apok Sekretariat</p> <p>8. Encik Datu Mohd Sahadan Bin Datu Moksin Sekretariat</p> <p>9. Puan Nur Qaisara Lim Binti Abdullah Sekretariat</p> <p>10. Puan Norhajijah Binti Awal Daludin Sekretariat</p>	8 Februari 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 2 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu	<p>1. YBhg. Dato' Chin Kim Hiung Pengerusi Lembaga</p> <p>2. Encik Arfian Bin Julian Setiausaha Lembaga</p> <p>3. Encik Mohd Rafie Bin Haji Isa Anggota Silih Ganti</p> <p>4. YDH DSP Parum AK Niot Anggota Silih Ganti</p> <p>5. Encik Burhan Nuddin Bin Mahmuddin Anggota Silih Ganti</p> <p>6. Encik R.M. Luqman Bin R.M. Mohamed Sekretariat</p> <p>7. Encik Judy Bin Apok Sekretariat</p> <p>8. Encik Datu Mohd Sahadan Bin Datu Moksin Sekretariat</p> <p>9. Puan Nur Qaisara Lim Binti Abdullah Sekretariat</p> <p>10. Puan Norhajijah Binti Awal Daludin Sekretariat</p>	23 Mac 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 3 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu	<p>1. YBhg. Dato' Chin Kim Hiung Pengerusi Lembaga</p> <p>2. Encik Arfian Bin Julian Setiausaha Lembaga</p> <p>3. Tuan Haji Sadim Bin Abdull Anggota Lembaga</p> <p>4. YDH ASP Daniel Dominic Anggota Silih Ganti</p> <p>5. Encik Burhan Nuddin Bin Mahmuddin Anggota Silih Ganti</p> <p>6. Encik R.M. Luqman Bin R.M. Mohamed Sekretariat</p> <p>7. Encik Judy Bin Apok Sekretariat</p> <p>8. Encik Datu Mohd Sahadan Bin Datu Moksin Sekretariat</p> <p>9. Puan Nur Qaisara Lim Binti Abdullah Sekretariat</p> <p>10. Puan Norhajijah Binti Awal Daludin Sekretariat</p>	16 April 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 4 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu	<p>1. YBhg. Dato' Chin Kim Hiung Pengerusi Lembaga</p> <p>2. Puan Norsiah Binti Patah Setiausaha Lembaga</p> <p>3. Encik Mohd Rafie Bin Haji Isa Anggota Lembaga</p> <p>4. YDH ASP Daniel Dominic Anggota Silih Ganti</p> <p>5. Encik Burhan Nuddin Bin Mahmuddin Anggota Silih Ganti</p> <p>6. Encik Arfian Bin Julian Penolong Setiausaha</p> <p>7. Encik R.M. Luqman Bin R.M. Mohamed Sekretariat</p> <p>8. Encik Judy Bin Apok Sekretariat</p> <p>9. Encik Datu Mohd Sahadan Bin Datu Moksin Sekretariat</p> <p>10. Puan Nur Qaisara Lim Binti Abdullah Sekretariat</p> <p>11. Puan Norhajijah Binti Awal Daludin Sekretariat</p>	15 Julai 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 5 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu	<p>1. YBhg. Dato' Chin Kim Hiung Pengerusi Lembaga</p> <p>2. Puan Norsiah Binti Patah Setiausaha Lembaga</p> <p>3. Encik Mohd Rafie Bin Haji Isa Anggota Lembaga</p> <p>4. Encik Arfian Bin Julian Penolong Setiausaha</p> <p>5. Encik R.M. Luqman Bin R.M. Mohamed Sekretariat</p> <p>6. Encik Judy Bin Apok Sekretariat</p> <p>7. Encik Datu Mohd Sahadan Bin Datu Moksin Sekretariat</p>	18 Ogos 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 6 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu	<p>1. YBhg. Dato' Chin Kim Hiung Pengerusi Lembaga</p> <p>2. Puan Norsiah Binti Patah Setiausaha Lembaga</p> <p>3. YBhg. Datuk Awang Kadin Tang Anggota Lembaga</p> <p>4. Encik Vincent Lee @ Lee Yung Soon Anggota Lembaga</p> <p>5. Encik Ling Yee Kim @ Desmond Anggota Lembaga</p> <p>6. Encik Pitrus Lee @ Petrus Anggota Lembaga</p> <p>7. Encik Burhan Nuddin Bin Mahmuddin Ahli Silih Ganti</p> <p>8. Encik Mohd Rafie Bin Haji Isa Ahli Silih Ganti</p> <p>9. YDH ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti</p> <p>10. YDH. ASP Jimmy Panyau Turut Hadir</p> <p>11. Encik R.M. Luqman Bin R.M. Mohamed Turut Hadir</p> <p>12. Cik Dorine Patrick Turut Hadir</p> <p>13. Encik Arfian Bin Julian Penolong Setiausaha</p> <p>14. Encik Judy Bin Apok Sekretariat</p> <p>15. Encik Datu Mohd Sahadan Bin Datu Moksin Sekretariat</p>	4 Oktober 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 7 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu	<p>1. YBhg. Dato' Chin Kim Hiung Pengerusi Lembaga</p> <p>2. Puan Norsiah Binti Patah Setiausaha Lembaga</p> <p>3. Encik Vincent Lee @ Lee Yung Soon Anggota Lembaga</p> <p>4. Encik Ling Yee Kim @ Desmond Anggota Lembaga</p> <p>5. Encik Pitrus Lee @ Petrus Anggota Lembaga</p> <p>6. Encik Burhan Nuddin Bin Mahmuddin Ahli Silih Ganti</p> <p>7. Encik Mohd Rafie Bin Haji Isa Ahli Silih Ganti</p> <p>8. YDH. ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti</p> <p>9. YDH. ASP Jimmy Panyau Turut Hadir</p> <p>10. Encik R.M. Luqman Bin R.M. Mohamed Turut Hadir</p> <p>11. Cik Dorine Patrick Turut Hadir</p> <p>12. Encik Arfian Bin Julian Penolong Setiausaha</p> <p>13. Encik Judy Bin Apok Sekretariat</p> <p>14. Encik Datu Mohd Sahadan Bin Datu Moksin Sekretariat</p>	18 November 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 8 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Kota Kinabalu	<p>1. YBhg. Dato' Chin Kim Hiung Pengerusi Lembaga</p> <p>2. Puan Norsiah Binti Patah Setiausaha Lembaga</p> <p>3. Encik Wan Mohd Asraf Bin Wan Salleh Anggota Lembaga</p> <p>4. YBhg. Datuk Awang Kadin Tang Anggota Lembaga</p> <p>5. Encik Vincent Lee @ Lee Yung Soon Anggota Lembaga</p> <p>6. Encik Ling Yee Kim @ Desmond Anggota Lembaga</p> <p>7. Encik Pitrus Lee @ Petrus Anggota Lembaga</p> <p>8. Encik Burhan Nuddin Bin Mahmuddin Ahli Silih Ganti</p> <p>9. Encik Mohd Rafie Bin Haji Isa Ahli Silih Ganti</p> <p>10. YDH. ASP Daniel Dominic Ahli Silih Ganti</p> <p>11. YDH. ASP Jimmy Panyau Turut Hadir</p> <p>12. Encik R.M. Luqman Bin R.M. Mohamed Turut Hadir</p> <p>13. Cik Dorine Patrick Turut Hadir</p> <p>14. Encik Arfian Bin Julian Penolong Setiausaha</p> <p>15. Encik Judy Bin Apok Sekretariat</p> <p>16. Encik Datu Mohd Sahadan Bin Datu Moksin Sekretariat</p>	15 Disember 2021

DIREKTORI KORPORAT
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH

Ibu Pejabat, Kota Kinabalu

Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Tingkat 4, Blok C dan D
Bangunan KWSP
49,Jalan Karamunsing
88000 Kota Kinabalu, Sabah
<http://www.lpkpsabah.gov.my>

Tel: 088- 238244/245
Faks: 088- 238144

Cawangan Sandakan

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Cawangan Sandakan
Blok A4,Lot 10,Bandar Labuk Jaya
Batu 7, Jalan Labuk
Peti Surat 3630
90740 Sandakan

Tel: 089- 238244
Faks: 089- 238245

Cawangan Tawau

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Cawangan Tawau
TB 4506,BlokD
Pusat Komersial Ba Zhong
Peti Surat No.62124
91031 Tawau

Tel : 089-759987
Faks : 089-759976

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK



PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Assalamualaikum,
Salam Sejahtera,
Salam Sarawakku Sayang,

Bersyukur kita ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurnia Nya, sekali lagi kita bersua menerusi buku Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan Sabah bagi tahun 2021.

Sepanjang tahun 2021, LPKP Sarawak sekali lagi telah diamanahkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) untuk menyalurkan bantuan daripada kerajaan Persekutuan di bawah inisiatif program Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) dan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA+) khusus buat pemain industri sektor pengangkutan awam. Program ini dilaksanakan bagi membantu mengurangkan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 yang masih lagi melanda negara.

Di bawah program ini, penerima yang terdiri daripada pemandu teksi, kereta sewa, bas sekolah, bas persiaran dan e-hailing yang layak, mendapat bantuan secara *one off* sebanyak RM500.00 daripada kerajaan Persekutuan. Hasilnya, di Sarawak sahaja, seramai 4140 orang telah mendapat manfaat di bawah inisiatif PERMAI. Manakala di bawah inisiatif PEMERKASA+, 4094 penerima layak menerima bantuan.

Sementara itu, di bawah pentadbiran kerajaan Negeri Sarawak, golongan pemandu teksi, kereta sewa dan pengusaha bas sekolah yang berdaftar di Sarawak juga tidak ketinggalan mendapat bantuan sebanyak RM600 melalui Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 6.0, manakala pemandu e-hailing yang layak turut menerima bantuan sebanyak RM500 yang diberikan secara *one-off* dan dibayar melalui *Sarawak Pay*.

Akhir kalam, setinggi-tinggi penghargaan buat YB Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia serta Timbalannya, Dato Henry Sum Agong di atas usaha dan gerak kerja yang mantap demi meningkatkan mutu perkhidmatan industri pengangkutan awam negara. Sekalung tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Ahli-ahli Lembaga serta seluruh warga kerja LPKP Sarawak di atas pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2021 biarpun negara masih lagi berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19.

**YB DR. RIPIN BIN LAMAT
PENGERUSI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK**

PERUTUSAN SETIAUSAHA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, LPKP Sarawak dapat menyediakan Laporan Tahunan bagi tahun 2021. Laporan Tahunan LPKP Sarawak dirakamkan sebagai satu imbasan menyeluruh dalam memaparkan fungsi dan peranan LPKP Sarawak.

Pandemik Covid-19 yang berlarutan merupakan satu cabaran besar yang dihadapi oleh LPKP Sarawak pada tahun 2021. Ketidaktentuan situasi Covid-19 juga memaksa kita untuk mengubah cara bekerja dan seterusnya membuka peluang kepada kita untuk melaksanakan pendekatan baru bagi memastikan kelangsungan tugas dan fungsi dapat dilaksanakan. Selari dengan pematuhan kepada norma baharu, Mesyuarat Lembaga LPKP Sarawak telah mula dilaksanakan secara dalam talian pada tahun 2021 bagi membolehkan perkhidmatan dapat disampaikan secara berterusan kepada pelanggan.

Di sebalik cabaran pandemik Covid-19, LPKP Sarawak juga telah berjaya mengadakan program libat urus bersama pelanggan melalui tiga (3) siri sesi dialog bersama Persatuan-persatuan Pelesen Kenderaan Perdagangan, iaitu di Kuching, Miri dan Sibu. Objektif program ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada para pelesen berkaitan isu dan cadangan bagi tujuan penambahbaikan prosedur dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh LPKP Sarawak. Program sebegini juga menyediakan platform kepada para pelesen untuk mendapatkan penjelasan berhubung dasar dan peraturan baru yang dilaksanakan.

Menyedari kesan pandemik Covid-19 kepada industri pengangkutan negara, LPKP Sarawak telah melaksanakan beberapa dasar baru selaras dengan perubahan dasar yang diperkenalkan di peringkat nasional. Bagi membantu pemain industri pengangkutan awam terutama pemilik teksi, bas sekolah dan bas persiaran yang terkesan akibat pandemik Covid -19, LPKP Sarawak telah memberikan pelanjutan secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun bagi kenderaan yang telah mencapai had usia maksima penggunaan kenderaan dalam tempoh 1 Januari 2021 sehingga

31 Disember 2021. Selain itu, LPKP Sarawak juga telah melaksanakan dasar pelaksanaan perkongsian penggerak utama (*prime mover*) dan semi treler dalam kumpulan syarikat yang sama atau konsortium; dan tempoh kelulusan memperbaharui lesen perniagaan perantaraan (LPP) telah dilanjutkan kepada tempoh dua (2) tahun.

Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada pelanggan, LPKP Sarawak juga telah mengkaji semula Piagam Pelanggan berhubung pengeluaran lesen. Tempoh Proses Pengeluaran Surat Pemberitahuan Keputusan Permohonan Baru telah dikurangkan daripada 10 hari bekerja kepada lima (5) hari bekerja. Usaha-usaha penambahbaikan akan terus dilaksanakan secara berterusan bagi membolehkan LPKP Sarawak memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Semoga usaha sebegini akan dapat membantu memperkasakan perkhidmatan LPKP Sarawak dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan industri pengangkutan di Sarawak.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada seluruh warga LPKP Sarawak dan semua pihak yang telah memberi sokongan padu dalam menjayakan program sepanjang tahun 2021 ini. Semoga semangat kerjasama yang padu ini akan dapat diteruskan.

Sekian, terima kasih

**MASITAH BINTI ANNUAR
SETIAUSAHA
LEMBAGA PELESENAN KENDERaan PERDAGANGAN SARAWAK**

**MAKLUMAT AHLI LEMBAGA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
BAGI TAHUN 2021**

Seksyen 6 Akta LPKP 1987 menetapkan bahawa keanggotaan Lembaga hendaklah dilantik oleh Menteri dan terdiri daripada anggota berikut:

- ξ Pengerusi;
- ξ Timbalan Pengerusi;
- ξ Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- ξ Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;
- ξ Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan
- ξ Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Lengkap Ahli Lembaga LPKP Sarawak bagi tahun 2021 adalah seperti di **Lampiran A**.



AHLI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
TAHUN 2021



YB. Dr. Ripin Bin Lamat
Pengerusi



YBhg. Dato Peter Minos
Timbalan Pengerusi



Masitah Binti Annuar
Setiausaha



Wan Mohd Ashraf Bin Wan Salleh
Ahli



Norizan Bin Jili
Ahli



YBhg. Datu Buckland Anak Bangik
Ahli



Liza Juyan Binti Abdullah
Ahli



Supt. Alexson Naga Ak Chabu
Ahli



Milton Foo Tiang Wee
Ahli



Dr. Lawrence Tseu Sed Kong
Ahli Silih Ganti



Erick Anak Jusiang
Ahli Silih Ganti



Zulhassan Bin Haron
Ahli Silih Ganti



DSP Matthew Anak Manggie
Ahli Silih Ganti

PIAGAM PELANGGAN LPKP SARAWAK

LPKP berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa hari bekerja seperti berikut.

PERKARA / SUBJECT	JANGKAMASA / DURATION
1. Permohonan Baru <i>New Application</i>	30 hari
2. Membaharui Permohonan <i>Renewel Of Licence</i>	10 hari
3. Ubah Syarat <i>Amendments Of Licence Terms</i>	10 hari
4. Surat Pemberitahuan Keputusan Permohonan Baru <i>Notification Letter Of New Application Outcome</i>	5 hari
5. Cetakan Lesen <i>Printing Of Licence</i>	5 hari

JADUAL 1


1. PRESTASI

1.1 PRESTASI KEWANGAN

Ringkasan Perbandingan peruntukan belanja mengurus dan kutipan hasil pada tahun 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:

TAHUN/ PERKARA	2020 (RM)	2021 (RM)	PERATUS (%)
Belanja Mengurus	* 5,268,332.08	2,976,307.63	-55.60
Kutipan Hasil	2,199,067.25	2,056,969.00	-6.67

* Peruntukan tahun 2020 adalah termasuk peruntukan Dana Bantuan Sementara Pengusaha Bas Berhenti-Henti (DBSPB) yang dahulunya dikenali sebagai *Interim Stage Bus Support Fund (ISBSF)* berjumlah RM 2,514,225.30. Manakala bagi peruntukan tahun 2021, peruntukan DBSPB telah dikelaskan semula di dalam Belanja Pembangunan berjumlah RM 5,400,000.00.



1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN


LPKP Sarawak telah menerima peruntukan belanja mengurus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan, melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia. Berikut adalah analisis peruntukan, perbelanjaan mengurus sebenar dan jumlah kutipan hasil tahunan bagi

LPKP Sarawak bagi lima (5) tahun ke belakang iaitu bermula pada tahun 2017 sehingga tahun 2021:

	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
Peruntukan Diluluskan	3,576,400.50	3,578,400.00	7,624,092.00	5,268,332.08	2,767,001.13
Belanja Mengurus	3,575,842.37	3,496,531.00	7,528,794.40	5,263,832.42	2,976,307.63
Kutipan Hasil	1,747,931.00	1,577,105.00	2,114,147.63	2,199,067.25	2,056,969.00

PERBANDINGAN PRESTASI KEWANGAN BAGI TEMPOH 5 TAHUN (2017 - 2021)

■ Peruntukan ■ Belanja Mengurus ■ Kutipan Hasil



LPKP Sarawak juga telah melaksanakan **langkah-langkah penjimatan** bagi mengamalkan perbelanjaan berhemah dan optimum peruntukan Kerajaan, seperti berikut :

1. Kawalan ke atas kerja lebih masa bagi tugas-tugas yang benar-benar perlu disiapkan dengan segera sahaja bagi semua warga LPKP Sarawak, dilaksana sebagaimana Perkara 3.3 Pekeliling

Perbendaharaan Malaysia - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan;

2. Pergerakan Pegawai yang minima bagi menghadiri mesyuarat/tugas rasmi selaras dengan Perkara 3.5 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan;
3. Pegawai digalakkan untuk membeli tiket penerbangan daripada syarikat penerbangan atau agensi pelancongan yang menawarkan harga yang lebih rendah bagi menghadiri mesyuarat/tugas rasmi selaras Perkara 3.6 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan; dan
4. Perancangan perolehan peralatan pejabat dan barang pakai habis berdasarkan keperluan sahaja seperti alat tulis, kertas dan sebagainya, selaras dengan Perkara 3.10 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan.

1.3 MESYUARAT LEMBAGA


Pada tahun 2021 LPKP Sarawak mengadakan **7 kali** Mesyuarat Lembaga. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk membuat keputusan terhadap permohonan lesen kenderaan perdagangan, menggubal dasar baru, mengkaji semula dasar sedia ada serta membuat ketetapan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kenderaan perdagangan. Rekod terperinci mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti di **Lampiran D**.

1.4 PERMOHONAN LESEN

LPKP Sarawak telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubah syarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) seperti berikut:

1.4.1 Permohonan Lesen Baru

Sebanyak **2,384** permohonan lesen baru telah diterima pada tahun 2021 berbanding **2,502** pada tahun 2020 iaitu berlaku sedikit penurunan sebanyak **(4.72%)**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **2,210** permohonan lesen diluluskan pada tahun 2021 berbanding **2,477** pada tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak **(10.78%)** permohonan lesen seperti di **Carta 1**. Pengiraan permohonan yang dilakukan ke atas permohonan baru adalah berdasarkan bilangan unit kendaraan yang dipohon oleh pelesen.



CARTA 1

1.4.2 Permohonan Membaharui Lesen

Sepanjang tahun 2021 sebanyak **5,472** permohonan membaharui lesen telah diterima berbanding **6,007** pada tahun


2020, iaitu penurunan sebanyak **(8.91%)**. Daripada jumlah tersebut, **5,201** permohonan telah diluluskan pada tahun 2021 berbanding **5,947** permohonan bagi tahun 2020, berlaku penurunan sebanyak **(12.54%)** seperti di **Carta 2**.



CARTA 2


1.4.3 Permohonan Ubah Syarat Lesen

Sepanjang tahun 2021 sebanyak **3,619** permohonan ubah syarat lesen telah diterima berbanding **4,893** permohonan pada tahun 2020, iaitu berlaku penurunan ketara sebanyak **1,274** permohonan atau **(26.04%)**. Sebanyak **3,436** permohonan ubah syarat lesen telah diluluskan pada tahun 2021 berbanding **4,844** permohonan bagi tahun sebelumnya, iaitu berlaku penurunan sebanyak **(29.07%)** seperti di **Carta 3**.

**CARTA 3**

1.4.4 Cetakan Lesen

Sepanjang tahun 2021 sebanyak **9,281** permohonan cetakan lesen telah diterima di Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak berbanding terimaan pada tahun 2020 iaitu sebanyak **12,531**, di mana berlaku penurunan ketara iaitu sebanyak **(25.94%)**. Perbandingan pecahan jumlah bilangan lesen yang dicetak pada tahun 2021 dan tahun 2020 mengikut kategori adalah seperti yang ditunjukkan pada **Carta 4**.



CARTA 4

RUMUSAN PERMOHONAN LESEN BARU, MEMBAHARUI, UBAH SYARAT LESEN DAN CETAKAN LESEN

TAHUN 2020 DAN 2021

JENIS PERMOHONAN	2020		2021	
	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
Baru	2,502	2,477	2,384	2,210
Membaharui	6,007	5,947	5,472	5,201
Ubah Syarat	4,893	4,844	3,619	3,436
Cetakan Lesen	12,531	12,531	9,281	9,281
JUMLAH	25,933	25,799	20,756	20,128

JADUAL 2

1.5 RAYUAN

Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri di Kementerian Pengangkutan Malaysia. Walau bagaimanapun tiada rayuan permohonan lesen baru telah diterima pada tahun 2021.

1.6 KEDUDUKAN LESEN AKTIF

Sehingga **31 Disember 2021**, lesen terkumpul LPKP Sarawak yang merangkumi seluruh Bahagian mengikut pecahan lesen telah mengeluarkan sebanyak **62,547** lesen seperti ditunjukkan di **Jadual 3**.

KENDERAAN BARANGAN		KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM	
KELAS LESEN	JUMLAH LESEN	KELAS LESEN	JUMLAH LESEN
LESEN PEMBAWA 'A'	43,070	TEKSI	1,904
LESEN PEMBAWA 'C'	11,732	TEKSI MEWAH	26
		KERETA SEWA	859
		KERETA SEWA PANDU	925
		BAS BERHENTI-HENTI	1,115
		BAS EKSPRES	544
		BAS SEKOLAH	1,559
		BAS PEKERJA	806
		LESEN PERNIAGAAN PENGANTARAAN	7
JUMLAH	54,802	JUMLAH	7,745
JUMLAH KESELURUHAN			
62,547			

JADUAL 3

1.7 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU 2021

Sepanjang tahun 2021, LPKP Sarawak telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah, dan peraturan baru bagi tujuan ke arah penambahbaikan dasar sedia ada seperti berikut:

1.7.1 Pelaksanaan Perkhidmatan e-Hailing di Sarawak (Pengeluaran Surat Makluman Penamatan e-Hailing Vehicle Permit (eVP))

- i. Lembaga telah dimaklumkan bahawa sejak Disember 2020, LPKP Sarawak telah mendapat banyak aduan kegagalan para

pemandu e-hailing membatalkan permit kenderaan e-hailing (eVP) mereka yang menyebabkan kesukaran kepada mereka untuk membuat pertukaran status kenderaan daripada kenderaan e-hailing kepada persendirian dan sekaligus menyukarkan mereka membaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM).

- ii. Seterusnya, LPKP Sarawak telah mewujudkan ketetapan penambahbaikan prosedur pengeluaran Surat Makluman Penamatan eVP kepada pihak Syarikat Pengendali Perkhidmatan e-hailing (eHO) mulai pada 1 Januari 2021 dan adalah menjadi tanggungjawab pihak eHO mengedarkan Surat Makluman Penamatan eVP tersebut kepada pemandu mereka untuk tindakan selanjutnya di mana pemandu yang telah membuat permohonan pembatalan eVP perlu membawa surat tersebut ke pihak PUSPAKOM bagi tujuan pemeriksaan kenderaan dan ke Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi tujuan pertukaran status kenderaan dan sekaligus membaharui Lesen Kenderaan Motor (LKM).

1.7.2 Standard Operating Procedure (SOP) Bagi Penggantungan dan Pembatalan Lesen Kenderaan Perdagangan di Sarawak

- i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.3/2021 telah bersetuju dengan cadangan *Standard Operating Procedure (SOP)* Bagi Penggantungan dan Pembatalan Lesen Kenderaan Perdagangan di Sarawak di bawah kehendak Seksyen 25, (1), Akta LPKP 1987 (Akta 334) yang dibentangkan dan seterusnya bersetuju dengan syor cadangan hukuman yang akan dikenakan kepada para pelesen bagi kes pelesen yang dikenakan saman berulang seperti di bawah:

- a) Kesalahan Pertama - Lesen akan digantung selama satu (1) bulan;

- b) Kesalahan Kedua - Lesen akan digantung selama enam (6) bulan; dan
 - c) Kesalahan Ketiga - Lesen akan digantung atau dibatal terus.
-
- ii. LPKP Sarawak dikehendaki terlebih dahulu mengemukakan surat tunjuk sebab kepada para pelesen yang dikenakan saman berulang sebelum tindakan di Para i diambil dan maklum balas pelesen berhubung perkara tersebut hendaklah dibentangkan kepada pihak Lembaga.

1.7.3 Penjenamaan Semula Perkhidmatan Teksi di Sarawak

- i. Pada tahun 1990-an, LPKP Sarawak telah menambahbaik dasar pelesenan dan menetapkan warna teksi berbumbung kuning dan badan kenderaan berwarna merah di samping mengekalkan identiti yang sedia ada dengan enjin berkapasiti tidak kurang daripada 1450 c.c seperti pada Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959.
- ii. Pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak telah menerima permohonan untuk penjenamaan semula perkhidmatan teksi di Negeri Sarawak berhubung pertukaran warna teksi sedia ada kepada pelbagai warna daripada pengusaha teksi di Sarawak.
- iii. Penjenamaan semula perkhidmatan teksi ini dibuat berdasarkan beberapa pertimbangan seperti berikut:
 - a. Merangsangkan gambaran baru dan imej teksi di Sarawak ekoran daripada perubahan global dan teknologi;
 - b. Menggalakkan dan memberi peluang kepada pengusaha perkhidmatan teksi di Negeri Sarawak untuk menukar

- kenderaan mereka mengikut ukuran kemampuan kewangan semasa mereka dalam usaha mereka untuk menyediakan perkhidmatan kenderaan yang selesa kepada pengguna; dan
- c. Sokongan terhadap industri teksi yang merupakan sebuah industri tradisional subur berkembang maju, suntikan semangat baru pelesen dan pemandu berdaya saing serta berdaya tahan dengan industri seangkatan dengannya.
 - iv. Warna yang dicadangkan adalah berbentuk liberalisasi dengan menggunakan warna asal daripada keluaran kilang tanpa penentuan kod warna khusus dengan syarat:
 - a. tidak melebihi dua (2) ton warna;
 - b. tidak berbelang-belang;
 - c. tidak menyerupai warna atau corak rasmi kenderaan mana-mana agensi penguatkuasa;
 - d. tidak menyerupai mana-mana kenderaan pengangkutan awam lain; dan
 - e. tidak bercorak/bergambar selain iklan yang diluluskan oleh pihak JPJ.
 - v. Kenderaan diwajibkan mematuhi peraturan-peraturan lain yang telah ditetapkan di dalam Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959 dan Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pengangkutan Perdagangan).
 - vi. Diwajibkan kepada pelesen baru dan menukar kenderaan (ubahsyarat ganti kenderaan-teksi).
 - vii. Bagi kenderaan / teksi sedia ada diberi pilihan samada mengekalkan warna asal atau menukar kepada salah satu warna yang ditetapkan.
 - viii. Bagi teksi yang telah menggunakan warna baru adalah diwajibkan memasang perkataan '**TAXI**' di bahagian atas cermin hadapan

kenderaan dan boleh dilihat pada waktu malam dengan nyalaan lampu malam atau lampu tulisan nyalaan LED. Kerjasama daripada pihak PUSPAKOM dipohon untuk memastikan pemasangan lampu tulisan ‘**TAXI**’ ini mengikut kesesuaian dan penetapan peraturan.

- ix. Had umur melesen kenderaan (baharu / ganti kenderaan) dipanjangkan daripada enam (6) tahun kepada sepuluh (10) tahun dari tarikh didaftarkan di JPJ.
- x. Terbuka kepada semua jenama dan model kenderaan yang memenuhi taraf tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau yang setara dengannya.

1.7.4 Tempoh Kelulusan Membaharui Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) Dan *electronic Vehicle Permit* (eVP) Yang Melibatkan Kenderaan Perkhidmatan e-Hailing Ditetapkan Kepada dua (2) Tahun

- i. Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil.4/2021 bersetuju untuk menetapkan tempoh LPP dan eVP yang melibatkan kenderaan perkhidmatan e-Hailing kepada dua (2) tahun.
- ii. Lembaga juga telah menetapkan bilangan minima bagi eVP yang dipohon bagi permohonan baharu pendaftaran LPP adalah sebanyak 50 unit.
- iii. Kadar fi yang akan dikenakan ke atas permohonan yang melibatkan LPP dan eVP hendaklah dipastikan tidak kurang daripada kadar semasa yang telah ditetapkan setiap tahun.

1.8 SIRI MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2021

SIRI	TARIKH	TEMPAT
1/2021	3 FEBRUARI 2021	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
2/2021	3 MAC 2021	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
3/2021	9 APRIL 2021	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
4/2021	16 JULAI 2021	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
5/2021	3 SEPTEMBER 2021	SECARA ATAS TALIAN
6/2021	8 OKTOBER 2021	SECARA ATAS TALIAN
7/2021	9 NOVEMBER 2021	SECARA ATAS TALIAN

DIREKTORI KORPORAT
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Ibu Pejabat, Kuching

Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Tingkat 12, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93400 Kuching, Sarawak
<http://www.lpkpsarawak.gov.my>

Tel: 082-412033
Faks: 082-256757

LPKP Cawangan Sibu

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Cawangan Sibu
Wisma Persekutuan
Jalan Awang Ramli Amit
96000 Sibu, Sarawak

Tel: 084-343103
Faks: 084-343940

LPKP Cawangan Miri

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Cawangan Miri
Tingkat Bawah, Blok B
Wisma Persekutuan Fasa II
Jalan Cahaya Lopeng
98000 Miri, Sarawak

Tel : 085-419876
Faks : 085-426285



LAMPIRAN

LAMPIRAN A


**SENARAI AHLI LEMBAGA & AHLI SILIH GANTI
LPKP SARAWAK
TAHUN 2021**

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIK	TARIKH TAMAT
1.	YB Dr Ripin Bin Lamat	Pengerusi	14.05.2020	13.01.2022
2	YBhg. Dato Peter Minos	Timbalan Pengerusi	14.08.2020	13.08.2023
3.	Puan Masitah Binti Annuar <i>(Berkuatkuasa 1 April 2021)</i>	Setiausaha (LPKP Sarawak)	01.04.2021	31.03.2024
4.	Encik Razami Bin Mohamad Jamali	Setiausaha (LPKP Sarawak)	1.12.2019	31.03.2021
5.	Encik Wan Mohd Asraf Bin Wan Salleh	Ahli Lembaga (MOT)	14.02.2021	13.02.2022
6.	Encik Norizan Bin Jili <i>(Berkuatkuasa 30 Nov 2021)</i>	Ahli Lembaga (JPJ)	30.11.2021	29.11.2024
7.	Encik Mohd Syafiq Anas Bin Abdullah	Ahli Lembaga (JPJ)	13.06.2019	21.06.2021
8.	YBhg. Datu Buckland Anak Bangik	Ahli Lembaga (MOTS)	30.06.2020	29.06.2023
9.	Puan Liza Jayub Binti Abdullah <i>(Berkuatkuasa 30 Jun 2021)</i>	Ahli Lembaga (PUSPAKOM)	30.06.2021	20.06.2024

10.	Encik Exquande Bin Hazmee	Ahli Lembaga (PUSPAKOM)	01.06.2019	31.05.2022
11.	Superintenden Alexson Naga Ak Chabu	Ahli Lembaga (PDRM)	01.09.2019	31.08.2022
12.	Encik Milton Foo Tiang Wee	Ahli Lembaga	14.08.2020	13.08.2023
13.	Dr Lawrence Tseu Ted Kong	Ahli Silih Ganti (MOTS)	30.06.2020	29.06.2023
14.	Encik Erick Anak Jusiang	Ahli Silih Ganti (JPJ)	01.10.2019	30.09.2022
15.	Encik Zulhassan Bin Haron	Ahli Silih Ganti (PUSPAKOM)	01.03.2020	28.02.2023
16.	DSP Mathew Anak Manggie <i>(Berkkuatkuasa 30 Nov 2021)</i>	Ahli Silih Ganti (PDRM)	30.11.2021	29.11.2024
17.	DSP Muhamad Rizal Bin Alias	Ahli Silih Ganti (PDRM)	01.01.2020	16.05.2021


LAMPIRAN B**CARTA ORGANISASI KESELURUHAN LPKP SARAWAK TAHUN 2021**

CARTA ORGANISASI CAWANGAN SIBU



3

CARTA ORGANISASI CAWANGAN MIRI



4

LAMPIRAN C

**RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN, PENGISIAN DAN
KEKOSONGAN DI LEMBAGA PELESENAN KENDERaan
PERDAGANGAN SARAWAK
SEHINGGA 31 DISEMBER 2021**

KATEGORI JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Pengurusan & Profesional	12	10	2
Kumpulan Pelaksana I	47	37	10
Kumpulan Pelaksana II	13	10	3
JUMLAH	72	57	15

LAMPIRAN D

**SIRI MESYUARAT LEMBAGA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
TAHUN 2021**

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 1 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat Utama LPKP Sarawak	<p>1. YB. Ripin Bin Lamat Pengerusi</p> <p>2. Encik Razami Bin Mohamad Jamali Setiausaha</p> <p>3. Encik Mohd Syafiq Anas Bin Abdullah Ahli Lembaga</p> <p>4. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong Ahli Silih Ganti</p> <p>5. Tuan DSP Muhamad Rizal Bin Alias Ahli Silih Ganti</p> <p>6. Puan Siti Khairuniza Bt Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>7. Encik Mohd Suhaimi Bin Ab Karim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>8. Encik Mohamad Yusof Bin Badri Urusetia Cawangan Sibu</p> <p>9. Encik Alister Australia Ak Akin Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>10. Puan Hajah Fatimah Bt Rajak Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>11. Puan Zuraidah Bt Ismawi Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p>	3 Februari 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 2 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat Utama LPKP Sarawak	<p>1. YB. Ripin Bin Lamat Pengerusi</p> <p>2. YBhg. Dato' Peter Minos Timbalan Pengerusi</p> <p>3. Encik Razami Bin Mohamad Jamali Setiausaha</p> <p>4. Encik Mohd Syafiq Anas Bin Abdullah Ahli Lembaga</p> <p>5. Tuan DSP Muhamad Rizal Bin Alias Ahli Silih Ganti</p> <p>6. Puan Siti Khairuniza Bt Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>7. Encik Mohd Suhaimi Bin Ab Karim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>8. Puan Irina Binti Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>9. Encik Saini Bin Tamin Urusetia Cawangan Miri</p> <p>10. Encik Mohamad Yusof Bin Badri Urusetia Cawangan Sibu</p> <p>11. Encik Alister Australia Ak Akin Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>12. Puan Hajah Fatimah Bt Rajak Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>13. Puan Zuraidah Bt Ismawi Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p>	3 Mac 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 3 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat LPKP Sarawak Cawangan Miri	<p>1. YB. Ripin Bin Lamat Pengerusi</p> <p>2. YBhg. Dato' Peter Minos Timbalan Pengerusi</p> <p>3. Puan Masitah Binti Annuar Setiausaha</p> <p>4. Encik Mohd Syafiq Anas Bin Abdullah Ahli Lembaga</p> <p>5. Encik Milton Foo Tiang Wee Ahli Lembaga</p> <p>6. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong Ahli Silih Ganti</p> <p>7. Encik Razaimi Bin Mohamad Jamali Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>8. Encik Mohd Suhaimi Bin Ab Karim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>9. Encik Saini Bin Tamin Urusetia Cawangan Miri</p> <p>10. Encik Mohamad Yusof Bin Badri Urusetia Cawangan Sibu</p> <p>11. Encik Alister Australia Ak Akin Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>12. Puan Zuraidah Bt Ismawi Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p>	9 April 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 4 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat Utama LPKP Sarawak	<p>1. YB. Ripin Bin Lamat Pengerusi</p> <p>2. YBhg. Dato' Peter Minos Timbalan Pengerusi</p> <p>3. Puan Masitah Binti Annuar Setiausaha</p> <p>4. Tn. Superitenden Alexson Naga Anak Chabu Ahli Lembaga</p> <p>5. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong Ahli Silih Ganti</p> <p>6. Encik Erick Ak Jusiang Ahli Silih Ganti</p> <p>7. Encik Zulhassan Bin Haron Ahli Silih Ganti</p> <p>8. Encik Razaimi Bin Mohamad Jamali Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>9. Puan Siti Khairuniza Bt Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>10. Encik Mohd Suhaimi Bin Ab Karim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>11. Puan Irina Binti Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>12. Encik Saini Bin Tamin Urusetia Cawangan Miri</p> <p>13. Puan Nur Aimizza Binti Gani Urusetia Cawangan Sibu</p> <p>14. Encik Alister Australia Ak Akin Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p>	16 Julai 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 5 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat Utama LPKP Sarawak	<p>1. YB. Ripin Bin Lamat Pengerusi</p> <p>2. Puan Masitah Binti Annuar Setiausaha</p> <p>3. Encik Milton Foo Tiang Wee Ahli Lembaga</p> <p>4. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong Ahli Silih Ganti</p> <p>5. Encik Erick Ak Jusiang Ahli Silih Ganti</p> <p>6. Encik Zulhassan Bin Haron Ahli Silih Ganti</p> <p>7. Tuan DSP Matthew Anak Manggie Wakil Ahli Lembaga, PDRM</p> <p>8. Encik Razaimi Bin Mohamad Jamali Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>9. Puan Siti Khairuniza Bt Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>10. Puan Irina Binti Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>11. Encik Saini Bin Tamin Urusetia Cawangan Miri</p> <p>12. Puan Nur Aimizza Binti Gani Urusetia Cawangan Sibu</p> <p>13. Encik Alister Australia Ak Akin Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>14. Puan Zuraidah Bt Ismawi Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p>	3 September 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 6 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat Utama LPKP Sarawak	<p>1. YB. Ripin Bin Lamat Pengerusi</p> <p>2. Puan Masitah Binti Annuar Setiausaha</p> <p>3. Encik Wan Mohd Asraf Bin Wan Salleh Ahli Lembaga</p> <p>4. Encik Milton Foo Tiang Wee Ahli Lembaga</p> <p>5. Dr. Lawrence Tseu Sed Kong Ahli Silih Ganti</p> <p>6. Encik Erick Ak Jusiang Ahli Silih Ganti</p> <p>7. Encik Zulhassan Bin Haron Ahli Silih Ganti</p> <p>8. Tuan DSP Matthew Anak Manggie Wakil Ahli Lembaga, PDRM</p> <p>9. Encik Razaimi Bin Mohamad Jamali Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>10. Puan Siti Khairuniza Bt Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>11. Encik Mohd Suhaimi Bin Ab Karim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>12. Puan Jacqueline Anak Charlie Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>13. Puan Irina Binti Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>14. Encik Saini Bin Tamin Urusetia Cawangan Miri</p>	8 Oktober 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
	15. Puan Nur Aimizza Binti Gani Urusetia Cawangan Sibu	
	16. Encik Alister Australia Ak Akin Urusetia Ibu Pejabat, Kuching	
	17. Puan Zuraidah Bt Ismawi Urusetia Ibu Pejabat, Kuching	

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
Bilangan 7 Tahun 2021 Bilik Mesyuarat Utama LPKP Sarawak	<p>1. YB. Ripin Bin Lamat Pengerusi</p> <p>2. Puan Masitah Binti Annuar Setiausaha</p> <p>3. Puan Liza Jayub Binti Abdullah Ahli Lembaga</p> <p>4. Encik Milton Foo Tiang Wee Ahli Lembaga</p> <p>5. Encik Erick Ak Jusiang Ahli Silih Ganti</p> <p>6. Tuan DSP Matthew Anak Manggie Wakil Ahli Lembaga, PDRM</p> <p>7. Puan Marjanah Adenan Wakil Ahli Lembaga, MOT Sarawak</p> <p>8. Encik Mohd Kamal Hisham Abu Bakar Wakil Ahli Lembaga, MOT Putrajaya</p> <p>9. Encik Razaimi Bin Mohamad Jamali Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>10. Puan Siti Khairuniza Bt Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p> <p>11. Encik Mohd Suhaimi Bin Ab Karim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching</p>	9 November 2021

MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
	12. Puan Jacqueline Anak Charlie Urusetia Ibu Pejabat, Kuching	
	13. Puan Irina Binti Ibrahim Urusetia Ibu Pejabat, Kuching	
	14. Encik Saini Bin Tamin Urusetia Cawangan Miri	
	15. Puan Nur Aimizza Binti Gani Urusetia Cawangan Sibu	
	16. Encik Alister Australia Ak Akin Urusetia Ibu Pejabat, Kuching	
	17. Puan Zuraidah Bt Ismawi Urusetia Ibu Pejabat, Kuching	



Trusted Secure Professional

Dicetak oleh PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KOTA KINABALU, SABAH

www.printnasional.com.my